


**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**Modul I**

**Karya-Karya Utama Dalam Pengajian Al-Hadith**

**Februari 2018**

**Masa : 1 Jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 50 markah.*
2. *Jawab dua soalan sahaja.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman yang bercetak.

**[Lihat Halaman Sebelah  
SULIT]**

Arahan: Jawab **dua (2)** soalan sahaja.

### **Soalan Pertama**

- (1) Terangkan secara ringkas tentang biografi Imam al-Bukhari. **(5 markah)**
- (2) Jelaskan secara ringkas dan padat tentang Sahih al-Bukhari. **(10 markah)**
- (3) Terangkan secara ringkas biografi Imam Ahmad bin Hanbal. **(5 markah)**
- (4) Jelaskan secara ringkas dan padat tentang Musnad Ahmad. **(10 markah)**
- (5) Terangkan secara ringkas biografi Imam Malik bin Anas. **(5 markah)**
- (6) Jelaskan secara ringkas dan padat tentang Muwatta' Malik. **(10 markah)**
- (7) Khalifah 'Umar bin Abdul Aziz telah memerintahkan ulama' pada ketika itu menulis dan mengumpulkan hadith dalam satu koleksi lengkap. Jelaskan secara mengapa berlaku demikian? **(5 markah)**

### **Soalan Kedua**

- (1) Berikan **pendapat** anda terhadap **kepentingan** mengenali tokoh dan karya hadith kepada;
- (a) Remaja  
(b) Ibu bapa  
(c) Pemimpin masyarakat
- (20 markah)**
- (2) Pada **pendapat** anda, sejauh manakah **kepekaan** penceramah agama di tempat anda terhadap tokoh dan karya hadith ketika menyampaikan hadith Rasulullah s.a.w. dan apakah **cadangan** anda bagi menangani isu berkenaan? **(15 markah)**
- (3) Bagaimanakah **cara berkesan** yang anda akan lakukan kepada keluarga dan masyarakat di tempat anda, bagi **mendedahkan** tokoh-tokoh dan karya-karya utama dalam pengajian hadith kepada mereka? **(15 markah)**

**Soalan Ketiga**

- (1) Terangkan secara ringkas tentang biografi Imam Muslim. **(5 markah)**
- (2) Jelaskan secara ringkas maksud *Sunan*. **(5 markah)**
- (3) Senaraikan enam (6) kitab hadith utama dalam senarai Kutub al-Sittah. **(5 markah)**
- (4) Terangkan secara ringkas tentang biografi Imam al-Tirmizi. **(5 markah)**

(5) Gariskan jawapan **Betul** atau **Salah** bagi setiap pernyataan di bawah :

*Contoh : (a) Sahih al-Bukhari adalah sebuah karya tafsir.*

*Jawapan : (a) Betul/Salah*

- (a) Penulisan hadith telah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (b) Imam al-Bukhari mendapat ilham menghafaz hadith semasa berumur 17 tahun. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (c) Imam Malik dibesarkan dan menetap di Madinah. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (d) Imam Muslim sempat belajar dengan Imam al-Bukhari. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (e) Nama sebenar Abu Dawud ialah Dawud bin Sulaiman bin al-Ash'ath. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (f) Tajuk pertama di dalam Sahih al-Bukhari dimulai dengan Kitab Bad' al-Wahy (Permulaan Wahyu). **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (g) Susunan hadith di dalam musnad ialah mengikut topik-topik utama dalam Islam. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (h) Imam al-Tirmizi telah hilang penglihatan di akhir hayatnya. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (i) Susunan hadith Sunan al-Tirmizi sama dengan susunan hadith Sunan Abu Dawud. **(Betul/Salah) (3 markah)**
- (j) Hadith di dalam Sunan al-Nasaie adalah mengikut susunan tajuk-tajuk fiqh. **(Betul/Salah) (3 markah)**